JABATAN PELAJARAN NEGERI JOHOR

PEPERIKSAAN PERCUBAAN

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008 1223/2

PENDIDIKAN ISLAM
Kertas 2
Sept.
1 ⅔ jam **Satu jam empat puluh minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi* **lima** *soalan.*
2. *Jawab* **semua** *soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

Jawab **semua** *soalan*

1 *(a)* Firman Allah SWT:

أَلَمْ يَرَوْا كَمْ أَهْلَكْنَا مِن قَبْلِهِم مِّن قَرْنٍ مَّكَّنَّهُمْ فِي ٱلْأَرْضِ مَا لَمْ نُمَكِّن لَّكُمْ وَأَرْسَلْنَا ٱلسَّمَآءَ عَلَيْهِم مِّدْرَارًا وَجَعَلْنَا ٱلْأَنْهَٰرَ تَجْرِى مِن تَحْتِهِمْ فَأَهْلَكْنَٰهُم بِذُنُوبِهِمْ وَأَنشَأْنَا مِنۢ بَعْدِهِمْ قَرْنًا ءَاخَرِينَ ۝

(سورة الأنعام : 6)

Ayat di atas menjelaskan tentang kaum-kaum terdahulu yang telah dibinasakan oleh Allah SWT:

(i) Namakan kaum terdahulu yang dimaksudkan dalam ayat di atas. [2 *markah*]

(ii) Nyatakan bentuk balasan Allah SWT ke atas kaum tersebut. [2 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** pengajaran yang dapat diambil daripada ayat yang dinyatakan. [4 *markah*]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : إِنَّ اللهَ تَعَالَى طَيِّبٌ لاَ يَقْبَلُ إِلاَّ طَيِّبًا وَإِنَّ اللهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِيْنَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِيْنَ فَقَالَ تَعَالَى: يَاأَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا. وَقَالَ تَعَالَى: يَاأَيُّهَا الَّذِيْنَ آمَنُوْا كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَارَزَقْنَاكُمْ. ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيْلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ يَمُدُّ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ: يَارَبِّ يَارَبِّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَغُذِيَ بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لَهُ.

(رواه المسلم)

Hadis di atas menerangkan tentang perintah Allah SWT kepada para rasul dan orang-orang yang beriman supaya memakan makanan yang baik.

(i) Berdasarkan hadis di atas, nyatakan ciri-ciri makanan yang halal. [2 *markah*]

(ii) Mengapakah umat Islam dikehendaki memakan makanan yang halal

lagi baik? [2 *markah*]

(iii) Huraikan syarat-syarat berpakaian menurut Islam. [4 *markah*]

(c)

A	B	C	D
أُوْلَٰٓئِكَ	خَٰلِدُونَ	يَرِثُونَ	صَلَوَٰتِهِمْ

Lengkapkan potongan ayat di bawah dengan pilihan jawapan yang betul daripada jadual di atas.
Anda perlu memilih abjad berkenaan sahaja.

وَٱلَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ ___(i)___ يُحَافِظُونَ ۝ ___(ii)___ هُمُ ٱلْوَٰرِثُونَ ۝ ٱلَّذِينَ ___(iii)___ ٱلْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا ___(iv)___ ۝

(سورة المؤمنون : (9-11

[4 *markah*]

2 *(a)* Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا لُقْمَٰنَ ٱلْحِكْمَةَ أَنِ ٱشْكُرْ لِلَّهِ ۚ وَمَن يَشْكُرْ فَإِنَّمَا يَشْكُرُ لِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَن كَفَرَ فَإِنَّ ٱللَّهَ غَنِىٌّ حَمِيدٌ ۝ وَإِذْ قَالَ لُقْمَٰنُ لِٱبْنِهِۦ وَهُوَ يَعِظُهُۥ يَٰبُنَىَّ لَا تُشْرِكْ بِٱللَّهِ ۖ إِنَّ ٱلشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ۝

(سورة لقمان: 12-13)

Ayat di atas menerangkan tentang nasihat Luqman agar bersyukur dan tidak menyekutukan Allah SWT:

(i) Jelaskan maksud bersyukur. [2 *markah*]

(ii) Bagaimanakah anda bersyukur dengan perbuatan ketika mendapat nikmat daripada Allah SWT? [2 *markah*]

(iii) Nyatakan jenis-jenis syirik. [2 *markah*]

(iv) Terangkan **dua** akibat terhadap individu yang mengamalkan syirik. [4 *markah*]

[Lihat sebelah

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُمَا قَالَ أَخَذَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِمَنْكِبِي فَقَالَ كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيْبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيْلٍ وَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقُولُ إِذَا أَمْسَيْتَ فَلاَ تَنْتَظِرِ الصَّبَاحَ وَإِذَا أَصْبَحْتَ فَلاَ تَنْتَظِرِ الْمَسَاءَ وَخُذْ مِنْ صِحَّتِكَ لِمَرَضِكَ وَمِنْ حَيَاتِكَ لِمَوْتِكَ.) (رواه البخارى)

Hadis di atas menjelaskan tentang kehidupan di dunia ibarat perantau dan cara pengurusan masa yang baik.

(i) Nyatakan kelebihan yang diperolehi sekiranya anda menyiapkan segera tugasan yang diberikan oleh guru.

[2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** pengajaran yang boleh diambil dari hadis di atas.

[4 *markah*]

(c) Potongan ayat al-Quran berikut tidak disusun mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Susun semula potongan ayat tersebut mengikut tertib.
Anda dikehendaki menulis nombor ayat sahaja.

مَثَلُ نُورِهِۦ كَمِشْكَوٰةٍ فِيهَا مِصْبَاحٌ	1
ٱلزُّجَاجَةُ كَأَنَّهَا كَوْكَبٌ دُرِّىٌّ	2
ٱلْمِصْبَاحُ فِى زُجَاجَةٍ	3
ٱللَّهُ نُورُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ	4

(سورة النور : 35)

[4 *markah*]

3 *(a)* Firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ ٱلْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ ٱلَّذِينَ هُمْ فِى صَلَاتِهِمْ خَٰشِعُونَ ﴿٢﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ عَنِ
ٱللَّغْوِ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَوٰةِ فَٰعِلُونَ ﴿٤﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ
حَٰفِظُونَ ﴿٥﴾ إِلَّا عَلَىٰٓ أَزْوَٰجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَٰنُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ
﴿٦﴾ فَمَنِ ٱبْتَغَىٰ وَرَآءَ ذَٰلِكَ فَأُو۟لَٰٓئِكَ هُمُ ٱلْعَادُونَ ﴿٧﴾ وَٱلَّذِينَ هُمْ لِأَمَٰنَٰتِهِمْ
وَعَهْدِهِمْ رَٰعُونَ ﴿٨﴾ (سورة الموءمنون :
(1-8

Ayat di atas menerangkan ciri-ciri mukmin yang berjaya.

(i) Berikan maksud lagha (ٱللَّغْو). [2 *markah*]

(ii) Senaraikan ciri-ciri mukmin yang berjaya di sisi Allah SWT. [2 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** tujuan menunaikan amanah dan menepati janji. [4 *markah*]

(b) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ، قَالَ رَسُوْلُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ
وَسَلَّمَ: لاَ تَحَاسَدُوا وَلاَ تَنَاجَشُوا وَلاَ تَبَاغَضُوا وَلاَ تَدَابَرُوا وَلاَ بَيْعَ
بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ وَكُونُوا عِبَادَ اللهِ إِخْوَانًا. الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ
لاَ يَظْلِمُهُ وَلاَ يَخْذُلُهُ وَلاَ يَكْذِبُهُ وَلاَ يَحْقِرُهُ، التَّقْوَى هَهُنَا وَيُشِيْرُ إِلَى
صَدْرِهِ ثَلاَثَ مَرَّاتٍ بِحَسْبِ امْرِىءٍ مِنَ الشَّرِّ أَنْ يَحْقِرَ أَخَاهُ الْمُسْلِمَ.
كُلُّ الْمُسْلِمِ عَلَى الْمُسْلِمِ حَرَامٌ دَمُهُ وَمَالُهُ وَعِرْضُهُ.
(رواه مسلم)

Hadis di atas menjelaskan tentang larangan yang boleh menghancurkan perpaduan umat Islam.

(i) Tuliskan **dua** daripada larangan tersebut. [2 *markah*]

(ii) Mengapakah umat Islam dilarang melakukannya? [2 *markah*]

(iii) Huraikan **dua** langkah yang boleh membawa kepada perpaduan umat Islam. [4 *markah*]

[Lihat sebelah

(c) Potongan ayat al-Quran berikut tidak disusun mengikut tertib seperti dalam al-Quran. Susun semula potongan ayat tersebut mengikut tertib.
Anda dikehendaki menulis nombor ayat sahaja.

ٱلْمُهَيْمِنُ ٱلْعَزِيزُ ٱلْجَبَّارُ ٱلْمُتَكَبِّرُ	1
سُبْحَـٰنَ ٱللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ	2
ٱلْمَلِكُ ٱلْقُدُّوسُ ٱلسَّلَـٰمُ ٱلْمُؤْمِنُ	3
هُوَ ٱللَّهُ ٱلَّذِى لَآ إِلَـٰهَ إِلَّا هُوَ	4

(سورة الحشر : 23)

[4 *markah*]

4 *(a)* Firman Allah SWT:

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا۟ مِنْ أَبْصَـٰرِهِمْ وَيَحْفَظُوا۟ فُرُوجَهُمْ ۚ ذَٰلِكَ أَزْكَىٰ لَهُمْ ۗ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾ وَقُل لِّلْمُؤْمِنَـٰتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَـٰرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا ۖ ...

(سورة النور: 30-31)

Dalam ayat di atas, Allah SWT memerintahkan orang lelaki dan perempuan yang beriman memelihara pandangan dan menjaga kehormatan diri serta menutup aurat.

(i) Apakah yang dimaksudkan dengan memelihara kehormatan diri?

[2 *markah*]

(ii) Nyatakan cara menjaga kehormatan diri.

[2 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** kesan buruk mendedahkan aurat.

[4 *markah*]

(iv) Jelaskan **dua** punca berlakunya kes pencabulan di dalam masyarakat pada masa kini.

[4 *markah*]

(b) Firman Allah SWT:

ٱلزَّانِيَةُ وَٱلزَّانِى فَٱجْلِدُوا۟ كُلَّ وَٰحِدٍ مِّنْهُمَا مِا۟ئَةَ جَلْدَةٍ ۖ وَلَا تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ فِى دِينِ ٱللَّهِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِٱللَّهِ وَٱلْيَوْمِ ٱلْءَاخِرِ ۖ وَلْيَشْهَدْ عَذَابَهُمَا طَآئِفَةٌ مِّنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢﴾

(سورة النور: 2)

Berdasarkan potongan ayat al-Quran di atas, tulis **satu** contoh bagi setiap hukum tajwid berikut:

(i) Idgham Maal Ghunnah

(ii) Mad Wajib Muttasil

(iii) Qalqalah Sughra

(iv) Alif Lam Qamariah

[4 *markah*]

(c) Tulis semula perkataan berikut dengan tulisan jawi.

(i) Membuktikan kebenaran

(ii) Mukjizat teragung

(iii) Peraturan syarak

(iv) Melakukan maksiat

[4 *markah*]

5 *(a)* Firman Allah SWT:

إِنَّمَا يُؤْمِنُ بِـَٔايَـٰتِنَا ٱلَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا۟ بِهَا خَرُّوا۟ سُجَّدًا وَسَبَّحُوا۟ بِحَمْدِ رَبِّهِمْ وَهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ ۩ ﴿١٥﴾ تَتَجَافَىٰ جُنُوبُهُمْ عَنِ ٱلْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَـٰهُمْ يُنفِقُونَ ﴿١٦﴾

(سورة السجدة: 15-16)

Ayat di atas menerangkan sifat-sifat mukmin yang sentiasa mengagungkan kebesaran Allah SWT.

(i) Berdasarkan ayat di atas, senaraikan **dua** jenis sujud. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** perbezaan antara orang beriman dengan c **[Lihat sebelah**
[4 *markah*]

(iii) Nyatakan kelebihan beriman kepada Allah SWT.
[2 *markah*]

(iv) Huraikan **dua** pengajaran yang boleh diambil daripada ayat di atas.
[4 *markah*]

(b) Firman Allah SWT:

وَلَوْ تَرَىٰٓ إِذْ وُقِفُوا۟ عَلَىٰ رَبِّهِمْ ۚ قَالَ أَلَيْسَ هَٰذَا بِٱلْحَقِّ ۚ قَالُوا۟ بَلَىٰ وَرَبِّنَا ۚ قَالَ

(i) إِذْ وُ — (ii) رَبِّهِمْ قَالَ

فَذُوقُوا۟ ٱلْعَذَابَ بِمَا كُنتُمْ تَكْفُرُونَ ﴿٣٠﴾

(iii) كُنتُمْ تَ — (iv) تَكْفُرُونَ

(سورة الانعام : 30)

Nyatakan hukum tajwid bagi kalimah yang bergaris dalam ayat di atas.
[4 *markah*]

(c) Tulis semula pernyataan di bawah dengan tulisan rumi.

براخلاق موليا مروفاكن ايدينتيتي اومت اسلام	(i)
برتوكل كفد الله اداله اساس كجاياأن دالم بردعوه	(ii)
كيت واجب مغكلكن كأمانن يغ سدغ دنعمتي سكارغ	(iii)
مأنسي هندقله مغضوناكن تيمفوه كهيدوفن ددنيا سباءيق موغكين	(iv)

[4 *markah*]

KERTAS SOALAN TAMAT